



**PEMAKLUMAN**  
**JABATAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI**

---

---

**KERTAS KONSULTASI PERLINDUNGAN DATA PERIBADI**

---

---

Kerajaan melalui Kementerian Digital telah memperkenalkan beberapa peruntukan baharu dalam Rang Undang-Undang (RUU) Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024 seperti berikut :

- (a) mewajibkan Pengawal Data untuk mengemukakan pemberitahuan mengenai insiden pelanggaran data peribadi kepada Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi;
- (b) mengkehendaki Pengawal Data dan Pemproses Data untuk melantik Pegawai Perlindungan Data yang bertanggungjawab untuk memastikan pematuhan terhadap Akta 709; dan
- (c) hak kemudahan data kepada Subjek Data untuk memohon supaya data peribadinya dipindahkan daripada satu Pengawal Data kepada Pengawal Data yang lain.

Susulan daripada itu, Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) telah menerbitkan tiga (3) Kertas Konsultasi Awam seperti berikut :

- (a) **Kertas Konsultasi Awam Bil. 01/2024** : Pelaksanaan Pemberitahuan Pelanggaran Data;
- (b) **Kertas Konsultasi Awam Bil. 02/2024** : Pelantikan Pegawai Perlindungan Data; dan
- (c) **Kertas Konsultasi Awam Bil. 03/2024** : Hak kepada Kemudahan Data.

Kertas Konsultasi Awam yang diterbitkan ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklum balas daripada orang awam dalam membangunkan perundangan subsidiari serta garis panduan berkaitan.

Sehubungan dengan itu, pihak awam adalah dijemput untuk memuat turun Kertas Konsultasi Awam dan mengemukakan maklumbalas kepada JPDP selewat-lewatnya pada **6 September 2024 (Jumaat)** melalui pautan <https://qrco.de/bfJsM7> atau imbas kod QR berikut :



Sebarang pertanyaan lanjut berhubung soalan atau penghantaran dokumen maklum balas tambahan berkenaan Kertas Konsultasi Awam boleh dikemukakan melalui e-mel kepada [uprll@pdp.gov.my](mailto:uprll@pdp.gov.my).

Sekian, terima kasih.

**PROFESOR DR. MOHD NAZRI BIN KAMA**  
**KETUA PENGARAH**  
**JABATAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI**

19 Ogos 2024